

PAKEJAN MAKLUMAT



KEGANASAN TERHADAP WANITA

“HORMAT WANITA”

WANITA UNTUK DISAYANGI & DILINDUNGI

Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

<https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/Artikel/2015/KeganasanTerhadapWanita.pdf>
<https://pendidikjalanan.blogspot.com/2021/06/punca-berlaku-keganasan-dalam-rumah.html>

PENGENALAN

Keganasan terhadap wanita adalah perbuatan penganiayaan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan dalam pelbagai cara. Ianya meliputi semua bangsa, agama, pendapatan, kelas dan budaya. Ianya juga merupakan suatu bentuk penyalahgunaan kuasa yang sering berlaku apabila seorang pasangan cuba untuk mengawal atau mendominasi pasangannya. Perangkaan menunjukkan bahawa keskes keganasan terhadap wanita seperti rogol, gangguan seksual, keganasan rumah tangga, ragut dan lain-lain semakin membimbangkan pada masa ini kerana ianya bukan hanya mengakibatkan kecederaan fizikal dan mental kepada mangsa tetapi juga boleh mengakibatkan kematian. Keganasan terhadap wanita boleh diertikan sebagai apa-apa tindakan keganasan yang berdasarkan gender yang mengakibatkan atau kelihatan boleh mengakibatkan kecederaan fizikal, seks atau psikologi atau mengakibatkan penderitaan kepada wanita. Tindakan ini juga meliputi ugutan untuk melakukan perkara tersebut, paksaan atau perbuatan menyekat kebebasan, sama ada berlaku dalam kehidupan persendirian atau awam (Cronwell & Burgess, 1996). Tindakan-tindakan keganasan yang lain terhadap wanita juga termasuk pelanggaran hak-hak kemanusiaan wanita terutamanya pembunuhan, perogolan terancang, perhambaan seks dan penghamilan tanpa kerelaan. Tindakan tersebut juga merangkumi keganasan bagi tujuan politik (terrorism), pemandulan dan keguguran tanpa rela, paksaan dalam menggunakan alat-alat atau ubat mencegah kehamilan dan pembunuhan fetus atau kanak-kanak perempuan. Panggilan telefon luncuh dan berunsur ugutan juga dicadangkan sebagai dari gangguan terhadap wanita yang boleh membawa kepada penderaan psikologi, terutamanya jika panggilan itu dibuat oleh bekas suami atau kekasih (Bradby, 1998).

Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

<https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/Artikel/2015/KeganasanTerhadapWanita.pdf>
<https://pendidikjalanan.blogspot.com/2021/06/punca-berlaku-keganasan-dalam-rumah.html>

MENGAPA WANITA MENJADI MANGSA?

Kaum wanita lebih terdedah kepada keganasan berbanding lelaki walaupun mereka juga ada menjadi mangsa kepada keganasan wanita tetapi nisbahnya terlalu kecil dan kesan tindakan tersebut terhadap mereka adalah sedikit. Faktor gender memainkan peranan di mana lelaki disifatkan sebagai seorang yang gagah, tidak mudah terpengaruh dengan emosi, pantang dicabar, suka sesuatu yang ganas dan berkeinginan untuk selalu berada di tahap yang tinggi. Manakala wanita disifatkan subordinasi kepada lelaki, tidak suka kepada keganasan, lebih beremosi dan lebih mudah mengalah. Gambaran-gambaran ini sedikit sebanyak mempengaruhi tindakan keganasan oleh lelaki terhadap wanita. Menurut Shariffah Nuridah Aishah dan Noor'Ashikin (2010), kumpulan wanita yang kerap menjadi mangsa keganasan adalah wanita dalam kumpulan minoriti, orang asli wanita, pendatang wanita, tebusan wanita, wanita yang hidup dalam kemiskinan yang terasing dari pembangunan, wanita dalam tahanan, kanak-kanak perempuan, wanita cacat dan berumur. Tindakan atau ancaman keganasan yang boleh mengakibatkan ketakutan dalam kehidupannya merupakan satu halangan dalam mencapai kesamarataan antara gender. Perasaan takut kepada keganasan adalah penghalang yang bersifat kekal untuk wanita mencapai kemajuan yang memberi kesan kepada kesihatan, kedudukan sosial dan ekonomi wanita serta menyekat kebebasan bergerak. Keganasan terhadap wanita merupakan satu mekanisme sosial yang memaksa wanita untuk berada di tahap yang rendah berbanding lelaki. Berdasarkan kepada Handbook for National Action Plans on Violence Against Women (2012), kebanyakan keganasan terhadap wanita dilakukan oleh orang yang dikenali wanita tersebut dan kebanyakan kes tidak dilaporkan kerana masalah dalaman keluarga atau masalah peribadi. Keganasan terhadap wanita yang paling kerap adalah keganasan yang dilakukan oleh pasangan wanita yang merangkumi suami, bekas suami atau teman lelaki. Di Malaysia, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia sehingga 2014, sebanyak 2,874 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan, sebanyak 4,123 kes berlaku dalam tahun 2013 dan sebanyak 3,488 kes dilaporkan dalam tahun 2012. Bagi tempoh yang sama, purata kes keganasan rumah tangga yang mangsanya adalah wanita adalah sebanyak 3,103 kes setahun (Hentikan! Keganasan Terhadap Wanita, 2015).

Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

<https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/Artikel/2015/KeganasanTerhadapWanita.pdf>
<https://pendidikjalanan.blogspot.com/2021/06/punca-berlaku-keganasan-dalam-rumah.html>



JENIS-KENIS KEGANASAN



Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

<https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/Artikel/2015/KeganasanTerhadapWanita.pdf>
<https://pendidikjalanan.blogspot.com/2021/06/punca-berlaku-keganasan-dalam-rumah.html>

PUNCA KEGANASAN DALAM RUMAH TANGGA



Kegagalan Mengawal Kemarahan atau Sikap Panas Baran

Kegagalan untuk mengawal kemarahan atau sikap panas baran sesetengah pasangan ini merupakan salah satu punca keganasan dalam rumah tangga berlaku. Sikap panas baran ini menyebabkan sesetengah pasangan ini hilang pertimbangan sehinggakan sanggup memukul anak-anak dan pasangan masing-masing. Mereka tidak dapat mengawal emosi mereka ketika mereka marah. Sebagai contoh, si suami cepat naik tangan apabila anak-anak dan isteri membuat kesilapan kecil. Hal ini akan menyebabkan keganasan dalam rumah tangga berlaku yang akan meninggalkan trauma kepada anak-anak dan pasangan masing-masing.

Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

<https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/Artikel/2015/KeganasanTerhadapWanita.pdf>
<https://pendidikjalanan.blogspot.com/2021/06/punca-berlaku-keganasan-dalam-rumah.html>

Kekurangan Ilmu Keibubapaan

Selain itu, ilmu keibubapaan yang kurang juga mendorong kepada keganasan dalam rumah tangga. Hal ini kebiasanya berlaku kepada pasangan muda yang baru berkahwin. Ketiadaan ilmu keibubapaan ini menyebabkan mereka salah mendidik anak-anak mereka. Misalnya, terdapat pasangan muda yang menganggap memukul anak dapat mendidik anak-anak dengan berkesan. Hal ini menyebabkan anak mengalami kecederaan fizikal dan trauma. Di samping itu, terdapat juga pasangan yang saling menunding jari untuk menjaga anak-anak padahal menjaga anak merupakan tanggungjawab mereka bersama. Hal ini menyebabkan anak terabai dan penderaan secara mental dan fizikal berlaku.

Pegangan Agama yang Rapuh

Selain daripada kurangnya ilmu keibubapaan, pegangan agama yang rapuh juga membawa kepada keganasan dalam rumah tangga. Pegangan agama yang rapuh menyebabkan pasangan salah faham terhadap bentuk didikan kepada anak-anak yang dianjurkan oleh agama. Misalnya, terdapat agama yang menganjurkan supaya anak-anak dirotan ataupun didenda sekiranya melakukan kesilapan yang sama berulang kali. Pasangan yang pegangan agamanya rapuh akan mentafsirkan ajaran ini dengan salah. Mereka akan merotan dan mendenda anak-anak mereka sehingga mendatangkan kecederaan dan trauma sedangkan merotan dan mendenda yang dimaksudkan oleh agama tersebut adalah untuk tujuan mendidik dan memberi pengajaran semata-mata.

Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19

2024

Sumber Maklumat :

<https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/Artikel/2015/KeganasanTerhadapWanita.pdf>
<https://pendidikjalanan.blogspot.com/2021/06/punca-berlaku-keganasan-dalam-rumah.html>

Masalah Kewangan

Masalah kewangan yang dihadapi ketua keluarga juga membawa kepada keganasan dalam rumah tangga. Masalah kewangan dalam rumah tangga ini menyebabkan kerap kali berlaku pertengkaran antara suami isteri. Anak-anak juga tidak terkecuali dalam pertengkaran ini. Kebiasannya keluarga yang menghadapi masalah kewangan yang teruk ini ialah keluarga yang berpendapatan rendah tetapi mempunyai terlalu ramai anak-anak. Hal ini menyebabkan si suami akan melepaskan tekanannya kepada si isteri dengan memukulnya. Kadangkala anak-anak juga akan menjadi mangsa tempat melepaskan tekanannya terhadap kewangan. Lebih mengeruhkan lagi keadaan sekiranya si suami meminjam wang daripada lintah darat. Hal ini menyebabkan si isteri dan anak-anak mengalami kecederaan fizikal dan trauma yang mungkin boleh menyebabkan kemurungan jika berterusan.

Pengamalan Gaya Hidup Tidak Sihat

Di samping itu, pengamalan gaya hidup yang tidak sihat juga membawa kepada keganasan dalam rumah tangga. Pengambilan alkohol dan dadah oleh pasangan menyebabkan pertengkaran antara pasangan kerap berlaku. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka akan hilang rasa tanggungjawab terhadap keluarga. Minuman beralkohol dan dadah akan menyebabkan pasangan hilang kewarasan sehingga sentiasa marah-marah dan memukul anak-anak serta pasangan. Terdapat juga suami penagih dadah yang sanggup melacurkan isterinya untuk memperoleh wang bagi membeli dadah. Selain itu, suami yang terlibat dengan judi juga akan menyebabkan keganasan dalam rumah tangga. Judi akan menyebabkan masalah kewangan kepada keluarga. Oleh itu, si suami selalunya akan memaksa isteri dan anak-anaknya untuk bekerja bagi mendapatkan sumber kewangan. Jika isteri dan anak-anak ingkar, maka mereka akan didera sehingga mengalami kecederaan yang teruk.

Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

<https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/Artikel/2015/KeganasanTerhadapWanita.pdf>
<https://pendidikjalanan.blogspot.com/2021/06/punca-berlaku-keganasan-dalam-rumah.html>



Masalah Keganasan dalam Rumah Tangga Perlu Diambil Perhatian

Kesimpulannya, terdapat pelbagai punca yang mendorong keganasan dalam rumah tangga. Oleh itu, semua pihak haruslah berganding bahu dalam menangani masalah keganasan dalam rumah tangga. Masyarakat boleh melaporkan kepada pihak polis sekiranya ada berlaku keganasan rumah tangga dalam komuniti mereka. Selain itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) perlu mengambil langkah yang signifikan untuk memastikan kadar keganasan rumah tangga di Malaysia berkurang dengan pantas. Jika masalah ini tidak dibendung dengan cepat dan berkesan, maka masa depan negara kita akan gelap kerana negara dipenuhi dengan individu-individu yang mengalami tekanan mental yang teruk.

Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

<https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/Artikel/2015/KeganasanTerhadapWanita.pdf>
<https://pendidikjalanan.blogspot.com/2021/06/punca-berlaku-keganasan-dalam-rumah.html>

KESAN KEGANASAN RUMAH TANGGA



Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19

2024

Sumber Maklumat :

<https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/Artikel/2015/KeganasanTerhadapWanita.pdf>
<https://pendidikanan.blogspot.com/2021/06/punca-berlaku-keganasan-dalam-rumah.html>

Kesan-kesan keganasan rumah tangga
Kebelakangan ini, isu keganasan rumah tangga semakin meningkat di Malaysia. Perkara tersebut akan mengganggu emosi seseorang dan sesetengah orang akan bertindak di luar kawalan seperti membunuh diri dan mencederakan diri mereka kerana tidak tahan apabila sentiasa menjadi mangsa penderaan. Kebiasaannya, mangsa yang telah didera terdiri daripada kaum wanita dan kanak-kanak. Mereka tidak sepatutnya diperlakukan sebegitu kerana mereka tidak bersalah dan para suami dan ayah perlulah sentiasa mengawal emosi dan tidak mencederakan orang lain. Isu ini perlu diambil serius oleh pihak yang terbabit untuk menghentikan isu ini daripada terus menular di Malaysia.

Antara kesan-kesan keganasan rumah tangga ialah :

1. Mengganggu mental dan emosi seseorang

Keganasan rumah tangga akan menyebabkan mental dan emosi seseorang akan terjejas disebabkan oleh perbuatan yang telah dilakukan oleh mereka yang cuba melakukan penderaan tersebut contohnya seperti menampar, menendang dan mencekik. Hal ini akan memberikan kesakitan yang berpanjangan kepada seseorang disebabkan perbuatan terkutuk itu. Hal ini akan menyebabkan mangsa keadaan akan berasa takut untuk berhadapan dengan orang ramai dan sentiasa mengurungkan diri mereka. Banyak pihak yang mudah terlibat dengan keganasan rumah tangga ini terutamanya pasangan yang berkahwin dalam usia yang muda dan tiada persefahaman. Oleh itu, sebagai rakyat Malaysia kita perlulah membanteras isu ini daripada berlaku.

2. Pembesaran dan pertumbuhan anak-anak akan terganggu

Apabila kanak-kanak dibesarkan dalam suasana yang perlu sentiasa melihat pergaduhan di antara kedua-dua ibu bapa mereka, hal tersebut akan memberikan impak yang negatif di dalam kehidupan mereka. Apabila mereka pergi ke sekolah ataupun sedang mengulang kaji pelajaran, masalah yang dihadapi oleh ibu bapa mereka akan sentiasa

Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

<https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/Artikel/2015/KeganasanTerhadapWanita.pdf>
<https://pendidikjalanan.blogspot.com/2021/06/punca-berlaku-keganasan-dalam-rumah.html>

tergiang-giang di dalam fikiran mereka dan akan mengganggu fokus mereka untuk belajar. Mereka akan sentiasa ingin melakukan sesuatu yang boleh menghilangkan tekanan mereka. Kadang-kadang mereka tidak mahu pulang ke rumah dan lebih suka untuk meluangkan masa bersama rakan-rakan. Jika rakan-rakan mereka membawa pengaruh yang tidak baik dan secara tidak langsung akan mengubah sikap anak-anak itu sendiri seperti bercakap kasar dengan ibu bapa mereka dan men cuba-cuba untuk menghisap dadah atau rokok. Oleh itu, keganasan rumah tangga perlu dielakkan demi pembesaran dan pertumbuhan anak-anak yang sempurna.

3. Anak-anak akan mengalami konflik identiti

Konflik identiti berlaku disebabkan tiada keseimbangan di dalam diri setiap individu. Hal ini boleh berlaku kerana anak-anak merasa tertekan dengan masalah yang menimpa mereka. Kadang-kadang mereka tidak mahu menceritakan masalah yang mereka hadapi kepada rakan-rakan kerana mereka malu tidak mempunyai keluarga yang sempurna seperti rakan-rakan yang lain. Tetapi perubahan yang dialami oleh mereka contohnya seperti lebam, bengkak dan luka di badan lama-kelamaan akan menyebabkan rakan-rakan mereka perasan dan menanyakan punca berlakunya masalah tersebut. Kurang penghayatan agama dan nilai-nilai murni dalam diri anak-anak juga akan menyebabkan berlaku konflik identiti. Penghayatan agama dan nilai murni sepatutnya perlu dipupuk oleh ibu bapa sejak anak-anak masih kecil lagi tetapi disebabkan konflik keluarga yang berlaku banyak perkara yang tidak boleh dipelajari oleh anak-anak. Oleh itu, ibu bapa mestilah sedaya upaya mengelakkan dari berlakunya keganasan rumah tangga dan berusaha membentuk sebuah keluarga yang bahagia.

4. Perceraian akan berlaku

Jalan terakhir yang akan diambil oleh setiap pasangan yang mengalami masalah rumah tangga ialah perceraian. Perceraian berlaku disebabkan oleh tiada persefahaman lagi di antara suami dan isteri. Hal ini kerana apabila mereka penat untuk menjadi mangsa penderaan oleh pasangan masing-masing. Punca utama keganasan rumah tangga berlaku disebabkan oleh mereka tidak mampu untuk mengawal perasaan marah mereka sendiri dan orang lain akan menjadi mangsa. Mengapa lelaki sering menjadi pendera dan wanita menjadi mangsa? Ini kerana lelaki merasakan bahawa mereka mempunyai hak sedemikian dan perasaan mereka lebih penting daripada wanita. Juga, lelaki ingin menunjukkan status yang lebih tinggi daripada wanita. Jadi, apabila isteri atau anak-anak mereka melakukannya. Tidak

Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

<https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/Artikel/2015/KeganasanTerhadapWanita.pdf>
<https://pendidikjalanan.blogspot.com/2021/06/punca-berlaku-keganasan-dalam-rumah.html>

mendengar atau tidak mendengar mereka mengakibatkan wanita atau kanak-kanak menjadi mangsa keganasan. Oleh itu, perceraian tidak akan menyelesaikan masalah dan setiap pasangan perlu berusaha untuk mempertahankan rumah tangga mereka.

5. Dipandang serong oleh masyarakat

Masalah keganasan rumah tangga ini akan menyebabkan orang terdekat seperti jiran akan memandang rendah kepada kita. Hal ini kerana mereka menganggap kita tidak pandai menjaga pasangan masing-masing. Ibu bapa juga akan bersa malu apabila anak-anak mereka yang baru sahaja menikah perlu menelan segala kutukan yang dilemparkan oleh jiran-jiran dan orang sekeliling. Hal ini perlu diambil serius oleh setiap pasangan yang baru ingin mendirikan rumah tangga supaya mereka tidak perlu menghadapi masalah sebegini yang akan menjejaskan kehidupan mereka. Keganasan rumah tangga berlaku disebabkan oleh tiada persefahaman dalam komunikasi, sikap cemburu buta dan panas baran. Sikap tersebut perlulah dikawal oleh setiap individu supaya mereka tidak menjadi mangsa kutukan orang lain. Oleh itu, isu keganasan rumah tangga perlu diambil serius supaya negara Malaysia sentiasa aman dan harmoni



Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

<https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/Artikel/2015/KeganasanTerhadapWanita.pdf>
<https://pendidikjalanan.blogspot.com/2021/06/punca-berlaku-keganasan-dalam-rumah.html>